

Kes Asis: Australia 1994 wajar bekerjasama

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan Australia sepatutnya memberi kerjasama kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mendedahkan mereka yang didakwa menerima rasuah daripada Perkhidmatan Perisikan Sulit Australia (Asis), kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata.

Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kerjasama itu diperlukan kerana ia melibatkan tuduhan terhadap orang tertentu di negara ini.

Tuduhan itu memburukkan nama mereka dan kita hendak penjelasan siapa yang terbabit. Sekarang ini ada yang tuduh ahli Parlimen kerajaan terbabit bukan saja pembangkang.

"Jadi untuk kita tentukan siapa sebenarnya (terbabit) patutlah dia